

## MUAR 1707 — 1885: TRANSFORMASI PEMERINTAHAN SEBUAH NEGERI MELAYU

Abdullah Zakaria bin Ghazali

Matlamat tulisan ini adalah untuk menunjukkan tentang bagaimana Muar mengalami proses dari sebuah negeri yang mempunyai pemerintah sendiri (Temenggung Muar dan Sultan Ali) menjadi sebahagian dari negeri Johor dalam tahun 1885.

Muar ada dicatatkan dalam *Sejarah Melayu*, di mana didatangi oleh orang Melayu dari Singapura kira-kira tahun 1380. Kemudiannya disebutkan lagi, iaitu apabila Melaka diserang dan ditakluk oleh Portugis; Sultan dan pengikut-pengikutnya mengundurkan diri ke Muar. Di sini berlaku pertempuran, dan Portugis mengalami kekalahan. Pada abad ke-16 terdapat dua orang pembesar di Muar; seorangnya perempuan. Jawatan pembesar bedasarkan keturunan.<sup>1</sup>

Pada abad ke-18 walaupun Muar adalah sebahagian dari negeri Johor,<sup>2</sup> tetapi ia mempunyai pemerintah sendiri, iaitu Temenggung Muar; dan Temenggung Muar ini pula mendapat tauliah daripada Sultan Johor. Pada awal abad ke-19 daerah Muar meliputi kawasan-kawasan hingga ke Sungai Marabon Seratus di Negeri Sembilan, hingga ke Sungai Serunting di Negeri Pahang dan kawasan pantainya; dari Sungai Kesang yang menjadi sempadan dengan Melaka hingga ke kawasan Parit Siput yang letaknya di tebing kanan muara Sungai Muar.<sup>3</sup> Keluasan Daerah Muar ini berubah-ubah. Perubahan pula bergantung kepada suasana politik dan masa. Pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, Muar ialah sebuah daerah yang terbesar di bahagian barat laut negeri Johor. Kawasan-kawasannya meliputi hingga sempadan-sempadan di Negeri Sembilan, negeri Melaka dan negeri Pahang. Manakala kawasan pantainya bermula dari Sungai Kesang (sempadan dengan Melaka) hingga ke kawasan yang berhampiran dengan Sungai Batu Pahat. Daerah Segamat juga termasuk dalam pentadbiran Muar.<sup>4</sup> Walaupun ada usaha-usaha dilaksanakan bagi mengasingkan Segamat dari pentadbiran Muar dan ingin mewujudkan daerah dan akan meletakkan seorang pegawai daerah dalam 1898 tetapi apa yang nyata sehingga akhir dekad pertama abad ke-20 jelas yang Segamat itu di bawah pentadbiran Muar.<sup>5</sup> Daerah Muar dan Daerah Batu Pahat mulai dipisahkan dalam dekad kedua abad ke-20, di mana sempadannya ditetapkan di Sungai Sarang Buaya. Kawasan

Muar di timur, iaitu Padang yang kawasannya menganjur dari Parit Siput ke Pinang Seribu adalah daerah yang terpisah dengan Muar.<sup>6</sup> Pinang Seribu pula merupakan sempadan di antara Batu Pahat dengan Muar. Daerah Padang adalah kawasan yang ramai didiami oleh orang Melayu.

Keadaan muka bumi Muar terdiri daripada tanah-tanah datar dan lembah serta bukit-bukit kecil. Bukit-bukit kecil ini seperti Bukit Dinding, Bukit Kepong, Bukit Pasir dan Bukit Mor. Di Muar juga terdapat sebuah gunung, iaitu Gunung Ledang yang menjadi sempadan antara Muar dengan Melaka. Selain daripada itu, Daerah Muar terdapat dua batang sungai, iaitu Sungai Muar dan Sungai Kesang. Sungai Muar ini mempunyai anak-anak sungainya di bahagian hulunya, seperti Sungai Gemencih yang mana hulunya dari Negeri Sembilan; Sungai Palong, yang mana hulunya bercabang iaitu Sungai Tembi dan Sungai Bodoh; dan kedua-dua Hulu Sungai ini di negeri Pahang. Hulu Sungai Tembi ini letaknya berhampiran dengan Tasik Bera di Pahang. Selain dari anak-anak sungai yang disebutkan ini, terdapat anak-anak sungai yang menuju ke Sungai Muar; anak-anak sungai itu ialah: Sungai Segamat, Sungai Belemang Besar, Sungai Pagoh, Sungai Tui, Sungai Liang Batu, Sungai Reng dan Sungai Lenga. Sungai Kesang lebih kecil daripada Sungai Muar. Namun demikian Sungai Kesang adalah penting kerana ia menjadi sempadan antara Muar dengan negeri Melaka. Sungai Kesang ini mempunyai hulunya di daerah Chinchin, iaitu di timur laut Melaka; dan satu lagi cabang anak sungainya, Sungai Tangkak dan hulunya di Gunung Ledang. Oleh itu kalau diperhatikan bahawa terdapat suatu kawasan yang menganjur di antara Sungai Kesang dengan Sungai Muar, dan kawasan ini dikenali dengan nama Muar-Kesang. Kawasan inilah nanti yang akan menjadi suatu saingen politik tentang hak ke atasnya di antara keturunan Sultan Husin dengan keturunan Temenggung Abdul Rahman. Penduduk Muar tidak ramai. Tidak ada tanda untuk membuka sesuatu rancangan bagi mendapatkan punca galian.<sup>8</sup> Kawasan pendalaman Muar ialah Segamat dengan penduduk tidak melebihi 2,400 orang; manakala C.A. Trocki mencatatkan penduduk Muar dalam tahun 1830-an kira-kira 2,400 orang.<sup>9</sup>

Berdasarkan kepada "Fasal pada menyatakan keturunan Raja-raja Temenggung di dalam Muar", Marhum Kota Tinggi menyerahkan Muar kepada Datuk Pasir Diraja dan Bendahara Padang Saujana sebagai mas kahwin baginda dengan Bakal, saudara Datuk Pasir Diraja dan Bendahara Padang Saujana. Dari catatan ini menjelaskan kedudukan bahawa di abad ke-17 Muar adalah di bawah pentadbiran Datuk Pasir Diraja dan Bendahara Padang Saujana. Kuasa ini berterusan sehingga pemerintahan Sultan Mahmud II,

Putera Marhum Kota Tinggi dengan Bakal.<sup>10</sup> Apabila Sultan Mahmud II mangkat dibunuh oleh Laksamana Megat Seri Rama dalam tahun 1699, dan Bendahara Abdul Jalil menjadi Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, Datuk Pasir berpindah ke Muar dan menjalankan pentadbiran sendiri. Datuk Pasir Diraja berundur ke Muar setelah menolak tawaran menjadi Sultan Johor. Tawaran ini ditolak kerana beliau tidak mahu disifatkan sebagai bergembira di atas kemangkatan Sultan Mahmud II.<sup>11</sup>

Perpindahan Datuk Pasir Diraja ke Muar dan menjadi pentadbir di sini telah mewujudkan seterusnya keturunan Temenggung Muar. Datuk Pasir Diraja telah melantik putera sulungnya Sa Agar Diraja menjadi Temenggung dan seterusnya menjadi pengasas keturunan Temenggung Muar. Walaupun wujudnya pentadbiran Temenggung tetapi Muar masih di bawah pemerintahan Sultan Johor.<sup>12</sup>

Pusat pentadbiran Temenggung Muar berpusat di Pengkalan Kota.<sup>13</sup> Beliau pula dibantu oleh lapan Penghulu.<sup>14</sup> T.J. Newbold mencatatkan bahawa Muar di bawah Sultan Johor. Namun demikian C.A. Trocki menimbulkan persoalan tentang Sultan Johor itu sendiri, sama ada Sultan Abdul Rahman yang berpusat di Lingga atau Sultan Husin. Timbulnya keraguan ini kerana T.J. Newbold tidak memastikan Sultan yang mana. Namun demikian tentang Temenggung Ku Nik (كونيک), T.J. Newbold, R.O. Winstedt mencatatkan bahawa beliau diiktirafkan sebagai Temenggung Muar oleh Sultan Mahmud III.<sup>15</sup> Kemudiannya dalam "A History of Johore" mencatatkan yang Temenggung Ku Nik dilantik oleh Temenggung Abdul Rahman, Temenggung Johor.<sup>16</sup> Memandangkan timbulnya perbezaan ini C.A. Trocki menyatakan bahawa kemungkinan Muar tidak penting pada masa ini.<sup>17</sup> Persoalannya sama ada Muar ini penting atau tidak bukan merupakan persoalan pokok bagi penyelesaian tentang perkara di atas. Suatu penentuan dirasakan perlu dibuat tentang siapa sebenarnya melantik dan mengiktirafkan Temenggung Ku Nik di Muar. Ku Nik menjadi Temenggung Muar dalam tahun 1801–1830.<sup>18</sup> Dari tahun 1761–1812 Tengku Mahmud menjadi Sultan Johor–Pahang–Riau–Lingga dengan gelaran Sultan Mahmud III. Baginda melantik Abdul Rahman menjadi Temenggung Johor dan bertugas dari 1806–1825. Bermakna di sini Ku Nik dilantik menjadi Temenggung Muar dalam masa pemerintahan Sultan Mahmud III. Kalau hendak dikatakan Ku Nik dilantik oleh Temenggung Abdul Rahman maka beberapa perkara perlu diperhatikan. Temenggung Muar adalah berketurunan dan tidak dilantik dari keluarga yang lain. Bererti di sini jawatan Temenggung Muar diwarisi oleh keturunannya. Oleh itu adalah kurang tepat kalau hendak dikatakan Temenggung Muar, Ku Nik dilantik oleh Temenggung Abdul Rahman Johor.

Begitu juga adalah kurang tepat kalau hendak dikatakan bahawa Temenggung Abdul Rahman mengiktirafkan Ku Nik sebagai Temenggung Muar. Temenggung Abdul Rahman, iaitu Temenggung Johor ialah salah seorang pembesar dalam struktur pemerintahan kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Tambahan pula, pada masa ini Sultan Mahmud III masih di atas takhta kerajaan. Berdasarkan keadaan ini dapat dinyatakan bahawa jawatan Temenggung Muar adalah berketurunan, dan Temenggung Ku Nik diiktirafkan oleh Sultan Mahmud III. Dengan adanya pengiktirafan ini membuktikan bahawa Muar di bawah pentadbiran kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga.

Apabila Temenggung Ku Nik meninggal dunia dalam tahun 1830 jawatan Temenggung diganti oleh anaknya, Said. Said ke Singapura mengadap Sultan Husin bagi mendapatkan pengesahan sebagai Temenggung Muar.<sup>19</sup> Di sini menunjukkan Temenggung Said mengakui Sultan Husin sebagai Sultan Johor dan mempunyai kuasa ke atas Muar.

Apabila Sultan Husin berpindah ke Melaka,<sup>20</sup> diikuti dengan kemangkatan baginda di Umbai pada 2 September 1835;<sup>21</sup> dan baginda digantikan oleh puteranya (Tengku Ali) dengan gelaran Sultan Ali, kekuasaan Temenggung Muar mengalami kemerosotan. Tengku Ali diisyiharkan menjadi Sultan pada 16 September 1840, dan pengisytiharan ini adalah berdasarkan kepada adat dan undang-undang Melayu.<sup>22</sup> Perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan diiktirafkan oleh kerajaan Inggeris.<sup>23</sup> Kemudiannya pada 10 Mac, 1855 Sultan Ali menandatangani perjanjian dengan Temenggung Ibrahim.<sup>24</sup> Perjanjian ini adalah hasil dari usaha dan tekanan pihak British ke atas Sultan Ali.<sup>25</sup>

Dalam artikel tiga perjanjian ini mengakui Sultan Ali dan keturunannya mempunyai kuasa ke atas Muar-Kesang. Kini Sultan Ali diakui sebagai pemerintah Muar-Kesang; tetapi sebaliknya Sultan Ali menyerahkan kedaulatan Johor kepada Temenggung.<sup>26</sup> Juga Sultan Ali adalah pemerintah Muar-Kesang; dan juga bermakna pemerintah tunggal Muar. Temenggung Muar, Ismail yang sebelum ini bermusuh dengan Temenggung Johor, Ibrahim<sup>27</sup> telah membuat pengakuan mengakui pemerintahan Temenggung.<sup>28</sup>

Apabila Sultan Ali mangkat pada 20 Jun 1877 di Umbai, Melaka<sup>29</sup> kekuasaan ke atas Muar mengalami proses perpindahan ke tangan Maharaja Abu Bakar. Oleh kerana timbulnya masalah pengganti Sultan Ali menyebabkan jenazah Sultan Ali dimakamkan pada 8hb. Julai 1877 di Umbai, Melaka.<sup>30</sup> Walaupun Sultan Ali dimakamkan tetapi pengganti Sultan Ali tidak dilantik.<sup>31</sup> Pihak British terlibat dalam sekatan perlantikan pengganti ini. J. Douglas, Setiausaha kerajaan Negeri-negeri Selat dihantar untuk tugas ini.<sup>32</sup>

Walaupun demikian Temenggung Paduka Tuan Ismail (Temenggung Muar), Tengku Ismail, Tengku Mahmud dan Tengku Omar membuat surat pengakuan di Melaka pada 12 Julai 1877 bahawa putera Sultan Ali, Tengku Alam adalah waris yang sah berdasarkan adat-istiadat politik Melayu menggantikan Sultan Ali.<sup>33</sup> Tetapi pihak British tidak mengakui Tengku Alam sebagai pengganti, di mana A.E.H. Anson,<sup>34</sup> pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat meletakkan Muar buat sementara di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar.<sup>35</sup> Maharaja Abu Bakar menerima tawaran ini.<sup>36</sup> Pada 5 Ogos 1877, Maharaja Abu Bakar melawat Muar dan Segamat.<sup>37</sup> Juga Maharaja Abu Bakar mengambil keputusan untuk mendirikan pondok polis di tebing Sungai Muar dan Kesang untuk menjamin keselamatan.<sup>38</sup>

Bermula dari tahun 1877, Muar—Kesang telah diletakkan sementara di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar. Walaupun diletakkan buat sementara tetapi ini memberi pengertian penting dalam proses transformasi pemerintah Muar. Kalau sebelum ini, Temenggung Muar berkuasa di Muar, kemudian dalam tahun 1855, Sultan Ali menjadi pemerintah Muar—Kesang bermakna Temenggung Muar tidak lagi pemerintah Muar, tetapi kini pemerintahan Muar berubah lagi dan di bawah Maharaja Abu Bakar.

Pada 8 November 1877, Temenggung Muar dan Penghulu-penghulu Muar berkumpul di Kuala Kesang untuk menentukan pemerintah Muar. Juga turut hadir, wakil pegawai British (A.M. Skinner), wakil Temenggung Abu Bakar (Ungku Andak) dan beberapa Eropah (pengurus ladang di Padang — Herr Von Geelen, Heer Lange dan Herr Perser).<sup>39</sup> Perbincangan tentang pentadbir Muar berlarutan hingga 9 November 1877. Temenggung dan Penghulu-penghulu Muar ini dijemput ke Kuala Kesang untuk mengundi sama ada menyokong Muar diletakkan di bawah Maharaja Abu Bakar atau tidak.<sup>40</sup> Perbincangan berlarutan kerana timbul masalah mereka yang berhak mengundi. Keputusan akhirnya dicapai, Wan Salleh, Wan Husan (kedua-duanya anak Temenggung Muar) dan Penghulu Merjan yang sebelum ini dijemput mengundi ditolak. Mereka yang ditugaskan mengundi — Menteri Khamis, Penghulu Samsu dari Tasik, Penghulu Adam dari Tanjung Ganding, Penghulu Senchu dari Gemir, Penghulu Sudin dari Chohong, Penghulu Kamat dari Jementah, Penghulu Dagang Subuh dari Legeh, Penghulu Hashim dari Sungai Datu, Penghulu Seman dari Reng dan Penghulu Rahmat dari Kundang mengambil keputusan bersetuju Muar diletakkan di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar.<sup>41</sup>

Walaupun dakwaan (termasuk Maharaja Abu Bakar) dibuat bawah pemilihan di Kuala Kesang tidak ada paksaan<sup>42</sup> tetapi hakikatnya sebelum pemilihan dari Temenggung Muar dan Penghu-

lu-penghulu Muar dibawa secara paksa ke Singapura untuk memberi pengakuan akan memihak kepada Maharaja Abu Bakar.<sup>43</sup> Persoalan pokok kini, sama ada itu ada paksaan atau sebaliknya ke atas Temenggung Muar dan Penghulu-penghulu Muar; Muar – Kesang dengan rasminya secara langsung di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar, dan serentak adalah sebahagian daripada negeri Johor. Keturunan Sultan Ali, iaitu Tengku Alam, dan malah sebelum ini lagi Temenggung Muar tidak mempunyai kuasa lagi ke atas pentadbiran Muar. Penentuan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar di Kuala Kesang adalah peristiwa penting dalam perkembangan Sejarah Muar, kerana akibatnya kuasa keturunan Sultan Ali di Muar sebagaimana yang telah diakui dalam persetiaan 10 Mac 1855 di antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim.

Tengku Alam menuntut hak ke atas Muar–Kesang.<sup>44</sup> Tuntutan beliau tidak mendapat layanan daripada kerajaan British. Setiausaha Tanah Jajahan, Michael Hicks Beach tidak mahu mencampuri keputusan Kuala Kesang meletakkan Muar di bawah Maharaja Abu Bakar. Sebagai ganti pihak British menawarkan wang sara diri kepada Tengku Alam,<sup>45</sup> tetapi tidak disetujui oleh Tengku Alam. Kemuncak tuntutan Tengku Alam menyebabkan meletusnya pertempuran Muar (dikenali juga sebagai Perang Jementah) pada tahun 1879 di bawah pimpinan Tengku Alam dan penyokong-penyokongnya, tetapi berjaya diatasi oleh Maharaja Abu Bakar.

Kegagalan percubaan terakhir Tengku Alam ini menambahkan lagi kekuatan kuasa Maharaja Abu Bakar di Johor. Kemudiannya pada tahun 1885 Maharaja Abu Bakar dianugerahkan gelaran Sultan Johor oleh kerajaan British.<sup>46</sup> Dengan ini Sultan Abu Bakar adalah pemerintah Johor termasuk Muar.

#### Nota

1. C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "History of Muar" (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/405, "History of Muar").
2. Ibid.
3. T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 42. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 146. Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Negeri Muar", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 8, April 1979, hlm. 3.
4. Abdul Malek Munip, "Perkembangan-perkembangan di Muar, Johor 1884 – 1920", Tesis M.A., Universiti Malaya, 1974, hlm. 1–2. Lihat juga, *Singapore and Straits Directory for 1904*, hlm. 241.
5. *State Secretariat Letter Book 1902–1909*, hlm. 119, 133, 144. Surat-surat Setiausaha Kerajaan Johor kepada Chief Resident Engineer, F.M.S., 16 Februari 1905, 7 Januari 1906, 20 Mac 1906 dan 26 April 1906.

6. T.J. Newbold, *op. cit.*, hlm. 42. R.O. Winstedt, "A History of Johore 1365–1895 A.D.", *JMBRAS*, Vol. 10, Pt. 3, 1932, hlm. 89.
7. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi*, Jilid II, Singapura, 1908, hlm. 300.
8. C.O. 273/416, "Correspondence respecting Muar since the death of the late Sultan of Johor (berikutnya diringkaskan menjadi "CMDSJ"), A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877. C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877. Lihat juga MP "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, terlampir Enclosure 1, "Precis of the history of Sultan Ali". C.O. 273/91, "Death of Sultan Ali Iskandar Shah of the territory of Kessang, (better known as territory of Moar) — seterusnya diringkaskan menjadi "DSAK", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the history of Sultan Ali".
9. C.A. Trocki, *Prince of Pirates*, Singapore University Press, Singapore 1979, hlm. 41.
10. "Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-raja Temenggung di dalam Muar".
11. Ibid.
12. Ibid.
13. T.J. Newbold, *op. cit.*, hlm. 42.
14. C.O. 273/405, "History of Muar".
15. C.A. Trocki, *op. cit.*, hlm. 42. R.O. Winstedt, "The Temenggongs of Muar", *JMBRAS*, Vol. 10, Pt. 1, 1932, hlm. 30.
16. R.O. Winstedt, "A History of Johore", 1365–1895 A.D.", hlm. 90.
17. C.A. Trocki, *op. cit.*, hlm. 43.
18. R.O. Winstedt, "The Temenggongs of Muar", hlm. 30. C.A. Trocki, *Prince of Pirates*, hlm. 42.
19. R.O. Winstedt, "The Temenggong of Muar", hlm. 30.
20. R.O. Winstedt, "A History of Johore (1365–1895 A.D.)", hlm. 89. Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 19 , hlm. 101.
21. *Singapore Chronicle*, No. 35, Vol. 5, Saturday Evening, September 12, 1835, C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam kepada bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O. 273/327, "ISCSS", Statement of Claim, Suit No. 241 of 1896. C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, telampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggal, 21 Oktober 1846.
22. C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth, kepada Timbalan Gabenor, Benggal, 21 Oktober 1846. C.O. 273/91, "DSAK", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis the history of Sultan Ali"; MP, "CMDSJ" A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, terlampir Enclosure 1, "Precis of the history of Sultan Ali", C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali". C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, terlampir Enclosure 1, "Precis of the history of Sultan Ali", William C.F. Robinson

- kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877.
23. C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Shah bin Sultan / Ali / Iskandar Shah kepada Ratu Inggeris, 20 Mac 1879. C.O. 273/416, "Copy of the treaty of 1855 between the Sultan of Johor and his Temenggong". Lihat juga Mahmood Adam, 'Johor di bawah Abu Bakar: Satu Kajian Mengenai Keutuhan Politik Johor', Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 14. Abdullah Ayub, "The Johore Succession controversy, 1850–1878", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1953, hlm. 19. Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*, (جاوى), The Malayan Publishing House Ltd., Singapura, 1930 hlm. 8. C.S. Gray, "Johore, 1910–1914, Studies in the Colonial Process", Ph.D. Dissertation, University of Yale, 1978, hlm. 3. David Pung Mau Ming, "British Johore Relation 1885–1914", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, hlm. 1. Lim Say Hup, "W.J. Butterworth's Administration of the Straits Settlements 1834–1855", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1960, hlm. 49. Teh Eng Kim, "E.A. Blundell as Governor (1855–1859)", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1859, hlm. 27. M. Doraisingham, "Colonel Orfeur Cavenagh, Governor of the Straits Settlements 1859–1867", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1961, hlm. 57. Tan Soo Chye, "British Relation with Johore 1855–1869", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1951, hlm. 5.
  24. R.O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 92. David Pung Mau Ming, hlm. 1. *Straits Times*, 2 Mac 1861. Abdullah Ayub, hlm. 21.
  25. Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, hlm. 9. C.O. 273/416, "CTSJT", C.O. 273/151, "MSHCS", 11 Ogos 1886.
  26. C.O. 273/98, "PLCS", Precis of the History of Sultan Ali".  
C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali".
  27. Abdullah Ayub, op. cit., hlm. 24. Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Negeri Muar", hlm. 15.
  28. Tan Soo Chye, op. cit., hlm. 9. Abdullah Ayub, hlm. 24. Mahmood Adam, op. cit., hlm. 20.
  29. C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Syah bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Ratu Inggeris, 20 Mac 1879. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, terlampir lampiran B surat Tengku Alam kepada A.E.H. Anson, 4 Julai 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Ali bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877; A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877.
  30. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos, 1877, terlampir surat Muhammad Salleh (anak Temenggung Muar) dan enam orang kepada Pentadbir Negeri-negeri Selat, 26 Julai 1877; A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877.

31. C.O. 273/92, "MS", surat Temenggung Ismail kepada H.E. Administrator, Straits Settlements, 28 Julai 1877.
32. C.O. 273/91, W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir 'memo' (t.t.) C.O. 273/416, "CMDSJ" A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.
33. C.O. 273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir, *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877; "CTAMS". W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, Enclosure H, "Translation of a Malay Document", 12 Julai 1877.
34. A.E.H. Anson memangku Jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat yang dikosongkan oleh William Jervois pada 2 April 1877 kerana akan bertugas di Australia.
35. C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1877; A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877; A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877; Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877; Abu Bakar, Maharaja Johor kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877. PLC, 1878, Secretary of State (Lord Carnavon) kepada Administrator (A.E.H. Anson), 25 September 1877; Administrator (A.E.H. Anson) kepada Secretary of State (Lord Carnavon) 4 Ogos 1877. C.O. 273/98, "PLC," Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877.  
Abu Bakar menjadi Temenggung menggantikan ayahandanya Temenggung Ibrahim pada tahun 1862. Beliau menggunakan gelaran Maharaja pada tahun 1868.
36. C.O. 273/416, "CMDSJ", Abu Bakar, Maharaja Johor kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877.
37. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.
38. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 20 September 1877.
39. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.
40. C.O. 273/91, "MASS" W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir, A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar, (t.t.).
41. C.O. 273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Kolonial Negeri-negeri Selat (J. Douglas), 12 November 1877.
42. C.O. 273/93 "MS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir Maharaja Johor kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.
43. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877. C.O. 273/92, "MS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Johor kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877.
44. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5hb. Disember 1877, Enclosure 1, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O. 273/101,

Sultan Alaudin Alam Shah bin Sultan Ali Iskandar Shah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu Inggeris, 20 Mac, 1877. C.O. 273/95, "MS", William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878.

45. C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Tengku Alam, 24 Oktober 1878.
46. C.O. 273/138, "PAA", "Agreement on certain points touching the relations of Her Majesty's Government of the Straits Settlements with the Government of the independence state of Johore, made between the Right Honourable Frederick Arthur Stanley, Her Majesty's Secretary of State for the Colonies, on behalf of the Queen of the United Kingdom fo Great Britain and Ireland, Empress of India, and His Highness the Maharaja of Johore". Lihat juga Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 252–253. J. Kennedy, *A History of Malaya*, The Macmillan Press Ltd., London, 1975, hlm. 250. R.O. Winstedt, "A History of Johore (1365–1895 A.D.)", hlm. 119. C.A. Trocki, op. cit., hlm. 204.